

DYNA CALAMINE LOTION

Calamine (15% w/v)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

- Apakah yang ada pada risalah ini**
1. Apakah kegunaan Dyna Calamine Lotion
 2. Bagaimana Dyna Calamine Lotion berfungsi
 3. Sebelum menggunakan Dyna Calamine Lotion
 4. Cara menggunakan Dyna Calamine Lotion
 5. Semasa menggunakan Dyna Calamine Lotion
 6. Kesan-kesan sampingan
 7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Calamine Lotion
 8. Maklumat lanjut
 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
 10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Calamine Lotion

Digunakan untuk melegakan ketidakselesaan disebabkan pelbagai masalah kulit seperti ekzema, ruam panas, gigitan serangga tidak berasaun, gatal-gatal dan selaran matahari.

Bagaimana Dyna Calamine Lotion berfungsi

Ia mempunyai sifat melindungi kulit dan pengecutan liang-liang kulit yang melegakan gatal.

Sebelum menggunakan Dyna Calamine Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Dyna Calamine Lotion.

- Sebelum mula menggunakan Dyna Calamine Lotion

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitif kepada Calamine atau bahan-bahan lain dalam penyediaan ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dyna Calamine Lotion

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan sedikit pada tempat yang terjejas. Ia tidak boleh disapu pada luka terbuka atau kawasan permukaan mentah yang lebih besar.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sapu 3 – 4 kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Calamine Lotion untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penyediaan ubat adalah mudah diterima jika mengikut arahan yang disyorkan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dyna Calamine Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Calamine Lotion.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Calamine Lotion kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan dan jumpa doktor jika kulit sensitif atau iritasi kulit berlaku.

Kesan-kesan sampingan

Dengan arahan yang disyorkan, kesan-kesan sampingan jarang sekali untuk berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Calamine Lotion

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Lindungi daripada cahaya
Simpan di tempat kering di bawah 30°C
Pastikan bekas ditutup rapat
Goncang sebelum guna
Untuk kegunaan luar sahaja

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Losyen berwarna pink dengan wangian Baby Jo dan menthol.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Calamine

DYNA CALAMINE LOTION

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Calamine (15% w/v)

- Bahan-bahan tidak aktif

Baby-Jo Fragrance, Rhodigel (Xanthan Gum), Liquefied Phenol, Gum tragacanth, Glycerin 99.5%, Menthol Crystals, Purified Water, Sodium Citrate & Chloroform spirit.

- *Nombor MAL*

MAL19910643XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/09/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)130918/00261